

**NO. SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9361**

**SOALAN:**

**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab-sebab kedai-kedai judi internet haram masih berleluasa di seluruh Malaysia, terutamanya di kawasan Ipoh walaupun pihak Kementerian telah mengambil tekad untuk menghapuskan sindiket judi internet haram ini.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM), sentiasa berusaha keras untuk membanteras sebarang bentuk aktiviti perjudian haram dalam negara sehingga ke akar umbi. Walaupun operasi bagi melumpuhkan kegiatan perjudian dilakukan secara besar-besaran dan berterusan, namun aktiviti perjudian haram ini dilihat terus aktif disebabkan keuntungan yang diperolehi amat besar dan mudah yang mendorong sindiket-sindiket perjudian menggunakan pelbagai *Modus Operandi* untuk terus beroperasi dan mengelirukan pihak berkuasa. Antara *Modus Operandi* baharu yang dikesan seperti berselindung di sebalik perniagaan yang sah atas nama Pusat Hiburan Keluarga (PHK), mengubah lokasi daripada pusat komersil ke kondominium dan beroperasi di pinggir bandar dan kawasan pendalamanserta menggunakan media elektronik dengan menyebarkan *Short Message Service (SMS)* atau melalui website bagi mencari pelanggan baharu.

**Statistik serbuan berkaitan aktiviti perjudian di seluruh negara dan rampasan komputer, wang dan tangkapan pada tahun 2011 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-**

**SERBUAN DAN TANGKAPAN MESIN BERKOMPUTER DI SELURUH MALAYSIA  
BAGI TAHUN 2011 SEHINGGA SEPTEMBER 2016**

TAHUN	SERBUAN						RAMPASAN KOMPUTER					
	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016
PERJUDIAN	24505	35019	53595	9091	9104	10879	99257	134817	90114	148981	96593	188274
JUMLAH	24505	35019	53595	9091	9104	10879	99257	134817	90114	148981	96593	188274

TAHUN	TANGKAPAN						RAMPASAN WANG					
	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016
PERJUDIAN	14594	20146	15241	20410	19727	24487	416159	974307	860934	1713091	1853226	1881151
JUMLAH	14594	20146	15241	20410	19727	24487	416159	974307	860934	1713091	1853226	1881151

**Dalam melaksanakan operasi terhadap pusat-pusat perjudian, pihak polis menghadapi kesukaran untuk mengambil tindakan atas faktor-faktor seperti berikut:-**

**i) Pelayan (server) Berada di Luar Negara**

**Kegiatan ini sudah menjadi jenayah rentas sempadan di mana ianya melibatkan jaringan dengan laman web luar negara dan terdapat juga transaksi hasil pertaruhan disalurkan masuk dari luar negara. “Server” bagi laman-laman web perjudian ini biasanya dikesan berada di luar negara dengan menggunakan kata laluan yang berbeza dan menyukarkan pihak polis mendapatkan keterangan untuk pembuktian di mahkamah;**

**ii) Penggunaan Alat Kawalan Jauh**

**Dalam serbuan-serbuan kegiatan perjudian mesin komputer, pihak sindiket telah menggunakan alat kawalan jauh untuk menutup atau menukar laman perjudian kepada laman web sosial biasa dan memadam semua transaksi berkaitan perjudian walaupun pihak polis telah berjaya memasuki premis dan merampas komputer berkenaan. Keadaan ini menyukarkan pakar mengenai judi untuk membuat analisa dan pihak forensik tidak dapat mengeluarkan semula data bagi membuktikan wujudnya unsur perjudian dalam komputer berkenaan;**

**iii) Penjaga Pusat Perjudian.**

**Pihak sindiket kebiasaannya akan mengupah warganegara asing untuk menjaga pusat-pusat berkenaan yang hanya**

mengenali nama samaran pemilik premis berkenaan di samping nombor telefon yang digunakan oleh pemilik premis ini didaftarkan atas nama warga asing menggunakan talian "*Prepaid*". Keadaan ini menyukarkan pihak polis untuk menentukan pemilik sebenar bagi tujuan pendakwaan; dan

**iv) Premis Perjudian**

Kebiasaannya, premis perjudian ini mempunyai pintu besi yang berlapis dan dilengkapi dengan CCTV untuk menyukarkan pihak polis memasuki premis berkenaan dan hanya pelanggan yang dikenali atau "*Regular*" sahaja dibenarkan memasuki premis. Pihak polis terpaksa menyamar sehingga menyakinkan penjaga premis sebagai pelanggan terlebih dahulu sebelum serbuan boleh dibuat.

Pihak polis sememangnya berusaha keras untuk membasmi kegiatan perjudian ini sehingga dapat ditangani sepenuhnya. Namun demikian, usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi "Op Dadu" yang dilakukan secara agresif dan berterusan tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Di samping itu, orang ramai perlu menghindari aktiviti tidak sihat ini yang mempertaruhkan nasib untuk mendapatkan keuntungan tanpa berusaha yang akhirnya boleh membawa kemudarat seperti berhutang dan terlibat dalam perlakuan jenayah. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.

**Jumlah statistik mesin judi haram yang dirampas dan jumlah pertuduhan mahkamah sejak 2015 adalah seperti berikut:**

DAERAH	MESIN PERJUDIAN					
	JUMLAH SERBUAN	SERBUAN BERJAYA	JUMLAH TANGKAPAN		JUMLAH RAMPASAN MESIN	JUMLAH RAMPASAN WANG (RM)
			PENJAGA	PEMAIN		
IPOH	428	56	131	0	16	11547
HILIR PERAK	376	6	6	28	74	5950
MANJUNG	47	17	20	53	111	5576
TAIPING	19	17	21	3	16	11550
SELAMA	3	1	1	0	0	105
BT.GAJAH	19	5	25	0	0	9494
KAMPAR	0	0	0	0	0	0
KUALA KANGSAR	4	0	0	0	0	0
SG.SIPUT	24	1	3	0	30	0
TAPAH	2	1	1	0	9	0
TG.MALIM	5	5	5	26	48	1207
KERIAN	117	4	5	0	14	0
GERIK	7	0	0	0	0	0
PENGKALAN HULU	8	3	6	6	45	1900
PERAK TENGAH	5	3	3	11	21	182
<b>JUMLAH</b>	<b>1064</b>	<b>119</b>	<b>227</b>	<b>127</b>	<b>384</b>	<b>47511</b>